

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 16/5/2012
Hari: Rabu M/S: 30
Ruangan: HELD KAMPUS

Hello Kampus

UTARA



PESERTA program ITU Girls ICT Day bersama para penceramah di Dewan Seminar Pusat Pengajian Pengkomputeran Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, baru-baru ini.

Wanita berkemahiran ICT miliki peluang cerah dalam kerjaya

KURANG PASU 15 Mei - Golongan wanita yang berkelayakan tinggi dalam bidang teknikal berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mempunyai peluang lebih cerah untuk bersaing dalam pasaran kerja profesional.

Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi) Kementerian Pencerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Che Azemi Haron berkata, ini kerana dunia kini

mengalami situasi kekurangan kakitangan berkelayakan dalam bidang matematik, sains, komputeran dan pengkomputeran bagi memenuhi permintaan tenaga kerja yang semakin meningkat hari demi hari.

"Bagi memenuhi permintaan itu, banyak syarikat besar bersaing mendapatkan pekerja wanita dalam sektor ini.

"Ini menyebabkan golongan wa-

nita yang berkelayakan tinggi dalam bidang teknikal mempunyai peluang yang lebih besar dan mempunyai masa depan yang lebih cerah dalam pembangunan kerjaya mereka," katanya ketika merasmikan program ITU Girls ICT Day di Dewan Seminar Pusat Pengajian Pengkomputeran Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, dekat di sini baru-baru ini.

Che Azemi berkata, penggunaan ICT adalah sangat penting dalam dunia pekerjaan hari ini selain faktor ekonomi yang menjadi asas utama dalam pembangunan negara maju atau negara membangun.

"Di peringkat global, dianggarkan terdapat kekurangan sebanyak dua juta orang bagi pekerja profesional dalam bidang ICT kerana kurangnya kesedaran di kalangan pelajar, guru dan ibu bapa tentang

kerjaya dalam bidang ini," katanya. Sementara itu, pada majlis itu turut diadakan ceramah kesedaran ICT oleh Pengurus Program Kertuteraan Penyariran, Asia Pacific Institute for Broadcasting Development (AIBD), James L. Sinclair; ceramah pembangunan kemahiran insaniah oleh Pengurus Pusat Internet Desa Balik Pulau, Pulau Pinang, Huzaifah Abdul Rahman dan ceramah

Kerjaya Dalam ICT oleh Pensyarah UUM, Dr. Azizah Ahmad. Ia diadakan sempena sambutan Hari ICT Wanita Sedunia peringkat kebangsaan baru-baru ini dengan UUM dipilih sebagai tuan rumah melalui anjuran Pusat Kecemerlangan Asia Pasifik Dalam Pembangunan ICT Luar Bandar, International Telecommunication Union, Universiti Utara Malaysia (ITU-UUM).